



Hamim (kanan) meninjau projek tebatan banjir di sepanjang Sungai Kelantan sejauh 24 kilometer, semalam.
[FOTO FATHIL ASRI/BH]

Projek JPS RM165.8j siap akhir tahun

» *KESBAN mampu selamat ratusan lot tanah akibat hakisan sungai*

Oleh Siti Rohana Idris
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Projek pembangunan berjumlah RM165.8 juta bagi negeri ini menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.

Projek merangkumi 13 aspek termasuk Rancangan Menstabilkan Tebing Sungai Golok (KESBAN) Fasa II, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kelantan dan Projek Mencegah Hakisan Pantai Sabak (Fasa 5) yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Timbalan Menterinya, Datuk Hamim Samuri, berkata semua projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) itu giat dilaksanakan dan bakal siap sepenuhnya hujung tahun ini.

Hakisan tebing

“KESBAN Fasa II penting bagi menetapkan sempadan Malaysia dengan Thailand kerana ia belum diputuskan hingga kini.

“Ukuran kawasan kira-kira 100 kilometer (km) sudah dilakukan dan hanya menunggu persetujuan kedua-dua pihak untuk ditandatangani,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, pelaksanaan projek itu mampu menye-

lamatkan ratusan lot tanah awam yang mungkin lenyap akibat hakisan tebing sungai.

Menerusi peruntukan lain, Hamim berkata, sejumlah RM19.5 juta turut disalurkan kepada JPS serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi 124 Projek Pemulihan Pasca Banjir merangkumi pembinaan prasarana yang terjejas.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan di sepanjang Sungai Kelantan sejauh hampir 60 kilometer (km) bagi meninjau projek pembangunan seliaan JPS serta memastikan ia berjalan lancar.

Lawatan ke tapak Jajaran Sungai Golok turut dibuat bagi melihat pelaksanaan projek Pembangunan Lembangan Sungai Golok Fasa 1 yang bertujuan mengurangkan kesan banjir.